

# PM rasmi loji biodiesel sawit bersepadu pertama, di dunia

JOHOR BAHRU: 15 Ogos - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini merasmikan loji biodiesel Carotino Sdn. Bhd., loji biodiesel sawit bersepadu yang pertama di dunia, di Pasir Gudang dekat sini.

Loji biodiesel itu yang dibangunkan secara bersama oleh syarikat itu dengan Lembaga Penggalakan Minyak Sawit Malaysia (MPOB) mampu menghasilkan secara tetap 60,000 tan biodiesel kelapa sawit dan 30,000 tan biodiesel bergred musim sejuk, setiap tahun.

Abdullah ternyata amat gembira dengan

terbinanya loji tersebut yang diakui beliau merupakan antara projek yang diberi tumpuan olehnya selaras dengan pelaksanaan Dasar Biofuel Kebangsaan yang baru diumumkan tidak sampai setahun lalu.

Menurutnya, industri kelapa sawit perlu diuruskan dengan bijak kerana ia merupakan satu industri yang strategik untuk negara.

"Malaysia mempunyai banyak kelebihan dalam industri sawit kerana kita merupakan negara yang ulung dalam menjalankan pendidikan dan kajian bagi produk sawit.

"Oleh itu, dasar-dasar yang berhubung

kait dengan industri sawit perlulah dilaksanakan dengan baik demi kepentingan industri sawit negara," katanya pada sidang akhbar selepas majlis perasmian loji berkenaan hari ini.

Turut hadir ialah Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman dan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui.

Jelas Abdullah, menyedari kepentingan industri sawit beliau dan rakan sejawatannya dari Indonesia, Presiden Susilo Bambang Yudhoybno telah menandatangani memorandum persefahaman mengenai

usaha sama dalam bidang berkenaan.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri berkata, pembangunan pesat industri sawit di negeri Johor akan memberikan nilai tambah kepada pembangunan Wilayah Ekonomi Johor Selatan (SJER).

"Pasir Gudang akan menjadi pangkalan aktiviti hiliran kelapa sawit yang dilengkapi dengan kilang penapisan kelapa sawit terbesar dan kemudahan perusahaan oleokimia.

"Semua ini akan membantu Pasir Gudang untuk berkembang menjadi pusat biodiesel sawit yang terkemuka di dunia," kata Abdullah.